From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SQS PERKASA KOMPETENSI DIGITAL STAF AKADEMIK MENERUSI KERJASAMA BERSAMA PUSTAKA PRINSIP SDN. BHD. DAN CENGAGE LEARNING
Date: Thursday, 17 September, 2026 12:18:53 PM
Attachments: image001.png
image009.png

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Naqibah Aminuddin Jafry dan Nur Syahirah Ibrahim

SQS PERKASA KOMPETENSI DIGITAL STAF AKADEMIK MENERUSI KERJASAMA BERSAMA PUSTAKA PRINSIP SDN. BHD. DAN CENGAGE LEARNING



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan seminar bertajuk *Enhancing Teaching and Learning in Quantitative Sciences with Digital Tools* di Bilik Mesyuarat Utama (BMU), SQS.

Seminar ini dilaksanakan dengan kerjasama Pustaka Prinsip Sdn. Bhd., selaku rakan digital rasmi Cengage Learning di Malaysia, dan Cengage Asia International Higher Education. Program ini disertai oleh 30 staf akademik SQS.

Penganjuran seminar ini diterajui oleh Kumpulan Penyelidikan Quantitative Instruments and Teaching Innovation (QiTi). Ini didorong oleh transformasi digital dalam pendidikan tinggi yang telah mengubah lanskap pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang sains kuantitatif yang memerlukan latihan berterusan, maklum balas segera dan pentaksiran yang selaras dengan *Course Learning Outcomes* (CLO).

Penggunaan platform pembelajaran dalam talian, analitik pembelajaran (learning analytics) serta alat bantuan kecerdasan buatan (AI) kini menjadi keperluan bagi memastikan kaedah penyampaian kekal relevan dan berkesan.



Pengerusi Program, Prof. Madya Dr. Shamshuritawati Sharif berkata, seminar ini memperkasakan kompetensi digital staf akademik SQS selaras dengan agenda pendidikan digital dan pembelajaran teradun (blended learning) Universiti, di samping memberi pendedahan langsung kepada penyelesaian teknologi terkini yang berupaya meningkatkan penglibatan pelajar dalam bilik kuliah.

Pendedahan kepada penyelesaian pentaksiran selamat (secure assessment) pula membantu pusat pengajian menangani isu integriti akademik dalam pelaksanaan pentaksiran dalam talian, di samping membolehkan pemantauan prestasi pelajar secara berasaskan data melalui analitik pembelajaran.

"Seminar ini memberi pendedahan langsung kepada staf akademik SQS terhadap teknologi pembelajaran digital yang sedia ada. Platform seperti WebAssign melengkapi ekosistem pembelajaran dalam talian UUM, menyokong pembelajaran kendiri pelajar dan membolehkan prestasi pelajar dipantau secara berasaskan data," katanya.

Sesi pembentangan disampaikan oleh Encik Charles Ho, Senior Product Solution Consultant dari Cengage Hong Kong, dan Encik Tan Yun Chuan, rakan digital Cengage dari Pustaka Prinsip Sdn. Bhd. Pembentangan merangkumi trend semasa pendidikan yang melibatkan AI, pembelajaran digital dan kejayaan pelajar, demonstrasi platform digital Cengage termasuk WebAssign dan analitik pembelajaran.



Menerusi akses kepada buku teks elektronik (e-book), bank soalan yang komprehensif, slide pembelajaran, video interaktif dan maklum balas segera, pelajar dapat mengulang kaji dan menguji kefahaman secara kendiri pada bila-bila masa tanpa terikat kepada waktu kuliah. Keupayaan penyemakan tugasan dan tutorial secara automatik pula boleh mengurangkan beban pemarkahan secara manual.

Seminar ini turut menampilkan perkongsian amalan terbaik institusi pengajian tinggi yang telah menggunakan ekosistem Cengage, antaranya UPM, UKM, UUM, UNIMAP dan USAS.

Ts. Dr. Sharudin Omar Baki dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyertai sesi secara maya, berkongsi pengalaman beliau bahawa keupayaan WebAssign menjana soalan secara automatik serta menilai jawapan pelajar dengan tepat dan pantas telah meringankan kerja penandaan dan meningkatkan kecekapan pengurusan kursus.

Dari sudut institusi, kerjasama ini mengukuhkan jaringan strategik SQS dengan industri penerbitan serta penyedia teknologi pendidikan antarabangsa, di samping mendokong KPI Teras 3 Universiti iaitu Kelestarian Komuniti dan Hubungan Industri.

Penganjuran seminar ini mencerminkan komitmen SQS dalam memastikan staf akademiknya sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi pendidikan, sejajar dengan hasrat UUM untuk memperkasakan ekosistem pendidikan tinggi yang berteraskan teknologi dan berpaksikan kejayaan pelajar.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.